

**APLIKASI KAEDAH FIQH “AL-MASYAQQAH TAJLIBU AL-TAYSIR”
DALAM FIQH BANJIR DI MALAYSIA
THE APPLICATION OF THE “AL-MASYAQQAH TAJLIBU AL-TAYSIR” FOR
FLOOD FIQH IN MALAYSIA**

Norhijjah binti Siamil^{1*}, 'Ainul Mardhiah binti Zabidi², Mohd Farouq Nukman bin Zamri³, Zul-kifli bin Hussin⁴

¹ Pensyarah di Jabatan Syariah, Universiti Sultan Azlan Shah, norhijjahsiamil@usas.edu.my

² Penolong pensyarah di Jabatan Syariah, Universiti Sultan Azlan Shah, ainulmardhiah@usas.edu.my

³ Pensyarah di Jabatan Syariah, Universiti Sultan Azlan Shah, farouqnukman@usas.edu.my.

⁴ Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah, Universiti Sultan Azlan Shah, zul-kifli@usas.edu.my.

*Penulis penghubung

Artikel diterima: 1 Oktober 2022

| Selepas Pembetulan: 22 Nov 2022

| Diterima untuk terbit: 30 Nov 2022

Abstrak

Bencana banjir yang berlaku di beberapa negeri di Malaysia merupakan fenomena alam yang telah memberi kesan besar kepada mangsa banjir. Hal ini kerana ia bukan sahaja melibatkan kemusnahan harta benda, bahkan melibatkan kemusnahan nyawa dan memberikan kesan psikologi dan mental yang mendalam kepada mangsa banjir. Fenomena banjir yang berlaku juga telah menimbulkan kesulitan dan kesukaran kepada mangsa banjir. Prinsip Islam menjadi panduan yang dapat digunapakai dalam memberi jalan keluar terhadap kesulitan yang dihadapi oleh mangsa banjir. Artikel ini akan membincangkan aplikasi kaedah fiqh *al-masyaqqah tajlibu al-taysir* dalam fiqh banjir di Malaysia. Bagi mencapai objektif tersebut, reka bentuk kualitatif dilihat menepati isu yang dikaji dan teknik analisis dokumen pula digunakan sebagai kaedah bagi mengumpulkan data. Pemilihan kaedah fiqh pula dilakukan menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) berdasarkan situasi yang berlaku semasa musibah banjir. Bagi memastikan dapatan dihasilkan secara objektif, maka data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik (*thematic analysis*). Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat sembilan kaedah fiqh *sughra* (pecahan) yang terkandung di bawah kaedah kesukaran membawa kemudahan yang boleh diaplikasi dalam isu fiqh banjir di Malaysia. Kajian ini mencadangkan agar kajian diteruskan dengan melihat aplikasi kaedah *al-darar yuzal* dalam isu fiqh banjir di Malaysia.

Kata kunci: Aplikasi kaedah fiqh, fenomena banjir, fiqh banjir, kelestarian alam, qawaid fiqhiyyah.

Abstract

The flood that occurred in several states in Malaysia is a natural disaster that had major impacts. Flood does not only destroy the property but also cause loss of lives and has a profound psychological and mental impact on the victims. The floods phenomena also caused difficulties and hardships to the victims. Islamic principles offer a guide that can be used in facing difficulties. This article will discuss the application of the al-masyaqqah tajlibu al-taysir for flood fiqh in Malaysia. To achieve these objectives, qualitative design was seen to suit the study, and document analysis techniques were used as a method to collect data. To ensure an objective finding, the data were thematically analyzed. The findings showed nine fractional fiqh methods

contained under the 'hardship begets facility' method that can be applied to the flood fiqh issue in Malaysia. This study suggests a continuation by looking at the application of the al-darar yuzal method for the flood fiqh issue in Malaysia.

Keywords: Application of islamic legal maxims, flood phenomena, flood fiqh, environmental sustainability, qawaid fiqhiyyah.

1.0 Pengenalan

Banjir merupakan bencana alam yang sering berlaku di Malaysia. Sebelum ini, kebiasaannya banjir hanya berlaku di negeri pantai timur kerana banjir monsun. Namun mutakhir ini, banjir juga kerap berlaku di negeri-negeri lain dan ia dikategorikan sebagai banjir kilat. Ternyata, bencana banjir yang berlaku ini merupakan fenomena alam yang telah memberi kesan besar kepada mangsa banjir. Hal ini kerana ia bukan sahaja melibatkan kemusnahan harta benda, bahkan melibatkan kemusnahan nyawa dan memberikan kesan psikologi serta mental yang mendalam kepada mangsa banjir. Dari satu sudut, bencana banjir ini adalah termasuk sebahagian daripada ujian Allah kepada mangsa banjir yang terlibat, Allah SWT berfirman:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ
وَبَشِيرِ الصَّابِرِينَ

Maksudnya:

Demi sesungguhnya, kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar.

Surah al-Baqarah (2):155

Namun, dari sudut lain, memandangkan fenomena banjir ini berlaku saban tahun, maka pengurusan yang lebih komprehensif hendaklah disusun atur bagi mengurangkan risiko yang timbul akibat banjir. Selain itu, kerajaan juga perlu menyiasat dan bertindak sekiranya bencana banjir yang berlaku ini adalah berpunca daripada kerakusan dan kebobrokan manusia. Hal ini penting bagi memastikan tiada lagi rakyat jelata yang akan menjadi mangsa keadaan dan ia juga penting bagi memastikan kelestarian alam terus terjaga.

Ketika bencana banjir ini sedang berlaku, mangsa-mangsa yang terlibat menghadapi pelbagai kesukaran hidup. Hal ini menyebabkan beberapa pandangan fiqh telah dikeluarkan oleh pihak berautoriti dan para ilmuan sesuai dengan kesukaran hidup mereka. Ironinya, terdapat beberapa pandangan fiqh yang dikeluarkan adalah berlainan dengan pandangan fiqh yang biasa diketahui umum. Natijahnya, ia boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat terhadap tabiat perbahasan fiqh Islam yang sebenar.

Oleh itu, bagi memudahkan masyarakat mendapat gambaran dan memahami berkaitan tabiat perbahasan fiqh Islam, maka perlu diketengahkan satu cabang ilmu yang terdapat dalam khazanah ilmu Islam, iaitu ilmu kaedah fiqh. Menurut al-Nadwi (1994), ilmu kaedah fiqh adalah asas-asas fiqh yang bersifat *kulli* yang merangkumi hukum-hukum yang disyariatkan secara umum berkaitan beberapa bab dalam perkara-

perkara yang tergolong di dalam lingkungan yang sama. Ilmu kaedah fiqh sangat penting untuk dipelajari kerana terlalu banyak faedah yang akan diperolehi di sebalik ilmu ini. Antara faedah ilmu kaedah fiqh adalah ia dapat membantu umat untuk memahami objektif syariah secara umum, hal ini kerana intipati kaedah fiqh memberi gambaran yang jelas berkaitan objektif-objektif syariah seperti *al-masyaqqah tajlibu al-taysir* (al-Zuhaily, 2006).

Justeru, artikel ini akan membincangkan aplikasi prinsip kaedah fiqh *al-masyaqqah tajlibu al-taysir* dalam fiqh banjir di Malaysia.

2.0 Metodologi

Penyelidikan merupakan pendekatan bersistematik untuk mendapatkan pengetahuan baharu daripada fakta sedia ada (Bairagi & Munot, 2019). Dalam mana-mana penyelidikan, perkara yang perlu dibincangkan di bawah metodologi kajian ialah reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Dalam konteks artikel ini, pemilihan reka bentuk kualitatif berasaskan kajian kes jenis eksploratori (Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K., 2000) dilihat sesuai kerana banyak perkara yang tidak mampu dijawab dengan merujuk kepada data numerikal (Rozmi Ismail, 2016) khususnya untuk mengkaji aplikasi kaedah fiqh "*al-masyaqqah tajlibu al-taysir*" dalam fiqh banjir di Malaysia. Di samping itu, kajian kualitatif lebih "menekankan kepada deskriptif, induktif, pembinaan asas teori (*grounded theory*) dan kajian ke atas bagaimana manusia memberi makna kepada kehidupan mereka" (Rozmi Ismail, 2016, hal. 64). Dari segi pengumpulan data dalam kajian ini hanya melibatkan data bersifat sekunder, iaitu melibatkan segala jenis dokumentasi sama ada bersumber daripada jurnal dan juga perbincangan kaedah fiqhiyyah daripada kitab-kitab fiqh. Meskipun dari segi populasinya, terdapat banyak sekali kaedah fiqh, namun artikel ini hanya memilih kepada "*al-masyaqqah tajlibu al-taysir*" dan kaedah-kaedah pecahannya. Pemilihan kaedah fiqh tersebut adalah berdasarkan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) atau disebut juga sebagai *intentional sampling* atau *judgement sampling*. Ketiga-tiganya (*purposive sampling*, *intentional sampling*, *judgement sampling*) membawa maksud yang sama, iaitu sampel kajian dipilih berasaskan kepada pertimbangan pengkaji (Cohen et al., 2000). Menurut pertimbangan pengkaji, hanya kaedah fiqh ini sahaja dilihat bersesuaian untuk diangkat sebagai asas kepada perbincangan fiqh banjir di Malaysia. Bagi mendapatkan dapatan, pengkaji menggunakan kaedah analisis tematik.

3.0 Perbincangan

3.1. Kaedah *al-Masyaqqah Tajlibu al-Taysir* (Kesusahan Membawa Kemudahan)

Kaedah ini termasuk dalam kategori lima kaedah fiqh yang asas (*al-qawa'id al-kulliyah al-khams*). Sesuatu kesusahan membawa kepada kemudahan adalah kerana pada setiap kesusahan itu ada kesulitan dan ia menyulitkan manusia, sedangkan kesulitan telah dihilangkan dalam syarak berdasarkan *nas* dan kesulitan juga tidak dibenarkan kepada manusia (al-Zuhaily, 2006).

Kaedah ini telah dirumuskan oleh para ilmuan fiqh berdasarkan ayat al-Quran dan Hadis. Antaranya ayat al-Quran yang menjadi sumber asal bagi kaedah ini ialah:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمْ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Maksudnya:

Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.

Surah al-Baqarah (2):185

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Maksudnya:

Dan Dia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama.

Surah al-Hajj (22):78

Wajhu al-dilalah bagi dua ayat di atas dan ayat-ayat lain yang berkaitan dengan kaedah ini menunjukkan bahawa syariat Islam sentiasa ingin mengangkat kesusahan daripada manusia. Hal ini dapat dibuktikan apabila tidak ada dalam hukum syariat Islam yang melangkaui kemampuan manusiawi yang lemah (al-Nadwi, 1994). Ia selari dengan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah 286: Maksudnya: "Wahai *Rabb* kami, janganlah Engkau bebankan kepada kami beban yang berat sebagaimana Engkau bebankan kepada orang-orang sebelum kami. Wahai *Rabb* kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang tak sanggup kami memikulnya..", al-Ma'idah ayat 6: Maksudnya: "Allah tidak hendak menyulitkan kamu"), dan al-Hajj ayat 78: Maksudnya: "sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan").

Unsur-unsur kemudahan, tidak membebani sesuatu yang tidak mampu dipikul, menghilangkan kesulitan dan agama yang tidak sempit menjadi bukti bahawa agama Islam benar-benar ingin mengangkat kesusahan daripada manusia. Oleh sebab itu, Ibn 'Asyur mengatakan bahawa ayat-ayat di atas menggambarkan sifat *tasamuh* syariat Islam (Ibn 'Asyur, 2007; Zul-kifli, 2013).

Seterusnya, antara hadis yang menjadi sumber asal bagi kaedah ini ialah:

يَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا

Maksudnya: Permudahkanlah dan janganlah menyukarkan.

Al-Bukhari, no 69

إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ

Maksudnya: Sesungguhnya agama (Islam) adalah mudah.

Al-Bukhari, no 39

Agama Islam dinamakan dengan kemudahan adalah sebagai *mubalaghah* perbandingan dengan agama-agama terdahulu. Allah telah menggugurkan ke atas umat Islam kesusahan yang telah dipikul oleh umat terdahulu. Sebagai contoh yang jelas, umat terdahulu perlu membunuh diri mereka sekiranya mereka ingin bertaubat, adapun taubat bagi umat Islam adalah dengan meninggalkan dosa, keazaman untuk tidak mengulanginya dan penyesalan di atas perbuatan tersebut (al-'Asqalani, 2013).

3.2 Kepentingan Kaedah “*al-Masyaqqah Tajlibu al-Taysir*”

Kaedah fiqh “*al-masyaqqah tajlibu al-taysir*” adalah salah satu kaedah fiqh yang sangat penting dan ia merupakan salah satu dasar dalam syariat Islam. Kaedah ini menunjukkan bahawa syariat Islam merupakan agama yang bertoleransi kepada umatnya dan ia bersifat fleksibel, terutamanya dalam isu berkaitan fiqh. Bahkan, menurut al-Suyuti (1983), kebanyakan bab-bab fiqh akan kembali menggunakan kaedah ini.

Menurut al-Nadwi (1994) pula, kaedah ini adalah asas yang hebat daripada asas-asas syariat Islam. Hal ini kerana kebanyakan keringanan dalam syariat Islam terbentuk daripada kaedah ini. Bahkan, kaedah ini merupakan antara dasar dan asas yang telah membina bangunan fiqh Islam yang tinggi.

Ketika berlakunya bencana banjir, sudah pasti banyak kesusahan dan kesulitan menimpa mangsa banjir. Oleh itu, kebanyakan isu-isu fiqh banjir terbina di atas kaedah yang hebat ini. Justeru, artikel ini akan membincangkan aplikasi kaedah fiqh dengan membawa beberapa kaedah pecahan kemudian diberikan contoh aplikasinya dalam konteks fiqh banjir di Malaysia.

3.3 Kaedah Pecahan Bagi Kaedah *al-Masyaqqah Tajlibu al-Taysir*

Di bawah kaedah kubra “*al-masyaqqah tajlibu al-taysir*”, terdapat beberapa kaedah pecahan (*sughra*) yang dapat dikeluarkan. Dalam kajian ini, pengkaji akan membentangkan sembilan kaedah pecahan (*sughra*) bersama contoh aplikasi dalam konteks fiqh banjir di Malaysia. Sembilan kaedah pecahan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

3.3.1 الضرورات تبيح المحظورات (Darurat mengharuskan perkara yang ditegah)

Kaedah ini bermaksud keadaan darurat itu membolehkan dan mengharuskan perkara yang ditegah atau dilarang oleh syarak. Darurat merupakan suatu keadaan di mana sekiranya seseorang itu tidak melaksanakan perkara yang terlarang baginya, ia akan menimbulkan kemudaratan pada dirinya (al-Zuhaily, 2006). Keharusan untuk melaksanakan perkara yang terlarang itu tidaklah membatalkan larangan sedia ada yang diperintahkan oleh syarak untuk meninggalkannya. Justeru, sekiranya kemudaratan itu telah hilang atau berkurangan, maka melaksanakan perkara yang terlarang itu tidak lagi dibolehkan (al-Zarqa’, 1989)

Sumber asal bagi kaedah ini adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT berkaitan pengecualian yang diberikan untuk memakan sesuatu yang haram sekiranya berada dalam keadaan terpaksa setelah dijelaskan oleh Allah SWT apa yang diharamkan sebelumnya.

وَمَا لَكُمْ إِلَّا تَأْكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَقَدْ فَصَّلَ لَكُمْ مَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا اضْطُررْتُمْ إِلَيْهِ وَإِنَّ كَثِيرًا لِّيُضِلُّونَ بِأَهْوَاءِهِمْ بِغَيْرِ عِلْمٍ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِالْمُعْتَدِينَ

Maksudnya:

Dan tidak ada sebab bagi kamu, (yang menjadikan) kamu tidak mahu makan dari (sembelihan binatang-binatang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, padahal Allah telah menerangkan satu persatu kepada kamu apa yang diharamkan-Nya atas kamu, kecuali apa yang kamu terpaksa memakannya? Dan sesungguhnya kebanyakan manusia hendak menyesatkan dengan hawa nafsu mereka dengan tidak berdasarkan pengetahuan. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia lah yang lebih mengetahui akan orang-orang yang melampaui batas.

Surah Al-An'am (6):119

Dalam ayat yang lain juga iaitu Q.S Al-Maidah 3: 5 menyebutkan berkaitan keharusan seseorang yang berada dalam keadaan kelaparan untuk memakan apa yang diharamkan oleh Allah untuknya.

فَمَنْ اضْطُرَّ فِي مَخْمَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya:

Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya), kerana sesungguhnya Allah maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Surah Al-Maidah (5):3

Antara contoh aplikasi kaedah ini dalam konteks fiqh banjir di Malaysia ialah:

Hukum asal bersentuhan antara lelaki dan wanita bukan mahram adalah haram. Namun begitu, dalam keadaan darurat syarie, harus bersentuhan antara lelaki dan perempuan dengan kadar keperluan sahaja. Sebagai contohnya, sukarelawan lelaki boleh menyelamatkan mangsa banjir wanita yang kurang upaya untuk menyelamatkan diri sendiri seperti orang tua dan lumpuh. Walaupun keadaan asalnya adalah haram, tetapi hukumnya berubah menjadi harus demi memelihara nyawa mangsa banjir. Apabila telah tiba di pusat pemindahan banjir, mangsa banjir dan petugas perlu berusaha sedaya upaya memelihara aurat dan pergaulan antara lelaki dan wanita.

3.3.2 يجوز في الضرورة ما لا يجوز في غيرها (Diharuskan dalam keadaan darurat apa yang tidak diharuskan dalam keadaan yang lain)

Kaedah ini merupakan pecahan bagi kaedah kulliyah utama iaitu *al-darurat tubihu al-mahzurat* yang bermaksud keadaan darurat mengharuskan perkara yang ditegah. Perkara darurat yang diharuskan oleh syara' dibolehkan melaksanakannya hanya dalam situasi darurat. Adapun dalam keadaan tiada darurat ia tidak diharuskan. Terdapat keadaan di mana ia diharuskan dalam keadaan darurat tetapi ia tidak diharuskan dalam keadaan hajat. Hal ini kerana melakukan sesuatu yang dilarang

tanpa keperluan adalah lebih mudarat daripada meninggalkan perkara tersebut. Tetapi dalam kes keperluan, kemudaratan meninggalkan perkara yang dilarang melebihi kemudaratan melakukannya. Pertimbangan ini merupakan pertimbangan syarak dalam meraih kemaslahatan dan menolak mafsadah. Pertimbangan antara masalah dan mafsadah hendaklah dilihat kepada perkara yang membawa manfaat yang lebih besar dan membendung bahaya yang besar (al-Zuhaily, 2006).

Antara contoh aplikasi kaedah ini dalam konteks fiqh banjir di Malaysia ialah:

- a. Mangsa banjir dibenarkan untuk bertayammum bagi menggantikan kefardhuan wuduk dan mandi wajib sekiranya pusat pemindahan banjir terputus bekalan air atau air hanya cukup untuk keperluan minum sahaja. Begitu juga mangsa banjir yang sakit dan tidak boleh menggunakan air juga dibenarkan untuk bertayammum. Bahan yang boleh dibolehkan untuk tayammum ialah debu tanah yang bersih iaitu suci dan tidak bernajis. Debu tanah yang telah digunakan untuk tujuan tayammum terdahulu tidak boleh digunakan untuk tayammum yang baharu (IFFAH, 2021)
- b. Mangsa banjir atau petugas dibenarkan untuk solat jamak ketika situasi mendesak seperti menyelamatkan diri atau harta semasa banjir. Sekiranya mempunyai kesempatan melakukan solat jamak taqdim terlebih dahulu atau menjangkakan ada kesukaran menunaikan solat jamak ta'khir, maka digalakkan untuk menunaikan solat jamak taqdim (IFFAH, 2021). Hal ini kerana sekiranya dia mempunyai kesempatan melakukan solat tersebut, maka ia tidaklah dianggap sebagai situasi darurat.

3.3.4 **الاضطرار لا يبطل حق الغير** (Keadaan terdesak tidak membatalkan hak orang lain)

Kaedah ini membataskan kaedah "*al-darurat tubihu al-mahzura*" yang bermaksud keadaan darurat mengharuskan perkara yang ditegah. Ia juga menyokong kaedah darurat itu ditentukan mengikut kadarnya. Dalam keadaan terpaksa, hukum haram boleh bertukar menjadi harus. Namun begitu, keharusan tersebut tidak menggugurkan hak orang lain tetapi ia menggugurkan dosa atau hukuman akibat melaksanakan perkara yang diharamkan tersebut. Kaedah ini juga menjelaskan tentang kewajipan ganti rugi ke atas harta yang diambil oleh orang yang sedang mengalami keadaan darurat. Hal ini kerana sekiranya ganti rugi tidak dikenakan, maka tindakan tersebut juga merupakan satu bentuk kemudaratan yang dilarang oleh agama. Ia sama sekali bertentangan dengan prinsip menghilangkan kemudaratan itu sendiri. (al-Zuhaily, 2006)

Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu.

Surah An-Nisa' (4):29

Antara contoh aplikasi kaedah ini dalam konteks fiqh banjir di Malaysia ialah:

- a. Mengambil harta orang lain hukum asalnya adalah haram. Namun begitu ia diharuskan dalam keadaan darurat. Sekiranya mangsa banjir dalam keadaan kelaparan atau keadaan terdesak tetapi masih boleh meminta keperluan daripada orang yang diketahui pemiliknya, maka dia tidak boleh mengambil harta milik orang lain yang tidak diketahui pemiliknya. Harta yang diambil tersebut juga hendaklah sekadar keperluan sahaja dan ia hendaklah diganti semula atau dibayar harganya sekiranya diketahui siapa pemiliknya. Begitu juga dalam situasi memberi bantuan kepada mangsa banjir, walaupun niat seseorang itu baik untuk memberikan pertolongan kepada mangsa banjir, ia sama sekali tidak membatalkan hak pemilikan harta orang lain. Justeru diharamkan untuk mencuri atau mengambil harta orang lain tanpa kebenaran dengan niat untuk menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir. Hal ini demikian kerana keadaan terdesak tersebut tidaklah sehingga membatalkan hak orang lain terhadap harta pemilikannya sendiri.

3.3.5 إذا ضاق الأمر اتسع (Jika sesuatu perkara itu sempit, hukumnya menjadi luas)

Menurut Al-Zarqa' (1989), makna kaedah ini ialah apabila terdapat kesukaran dan kepayahan melaksanakan tuntutan hukum syarak yang ditetapkan, maka syarak memberikan jalan keluar dengan membenarkan *mukallaf* mengambil rukhsah sebagai kelonggaran dalam melaksanakan tanggungjawab yang diperintahkan oleh Allah SWT. Sesungguhnya syarak tidak sama sekali membebani manusia di luar kemampuannya. Allah SWT berfirman:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Maksudnya:

Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.

Surah al-Baqarah (2):185

Oleh itu, jelaslah bahawa menunaikan segala perintah yang ditetapkan oleh Allah SWT sebagai ketaatan kepada-Nya boleh ditunaikan dalam apa keadaan sekalipun. Justeru, melalui ayat ini para ulama mengeluarkan kaedah 'jika sesuatu perkara itu sempit,

hukumnya menjadi luas' (*Idza daqa al-amru ittasa'a*). Selain itu, terdapat ayat lain yang menjadi sandaran kaedah ini iaitu firman Allah SWT:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Maksudnya:

Allah tidak membebankan seseorang melainkan dengan apa yang terdaya olehnya.

Surah al-Baqarah (2):286

Antara contoh aplikasi kaedah ini dalam konteks fiqh banjir di Malaysia ialah:

Terdapat segelintir individu yang mengambil kesempatan mencerooboh rumah-rumah mangsa banjir untuk mencuri barangan berharga milik mangsa banjir. demi keuntungan peribadi. Adakalanya mereka terlepas kerana mangsa banjir telahpun meninggalkan rumah mereka demi menyelamatkan diri. Namun, dalam situasi mangsa banjir masih berada di dalam rumah dan kebetulan pada ketika itu pencuri datang memasuki rumahnya dengan tujuan mencuri, maka mangsa banjir dibolehkan untuk mempertahankan hartanya sekalipun terpaksa memukul pencuri tersebut. Malahan perbuatan ini dibenarkan dalam situasi biasa demi mempertahankan harta dan menghalang kejahatan pencuri (al-Zarqa', 1989). Hal ini demikian kerana, kaedah fiqh menyatakan jika sesuatu perkara itu sempit, hukumnya menjadi luas (*iza daqa al-amru ittasa'a*).

3.3.6 إذا اتسع الأمر ضاق (Jika sesuatu perkara itu luas, hukumnya menjadi sempit)

Kaedah ini merupakan lanjutan daripada kaedah 'jika sesuatu perkara itu sempit, hukumnya menjadi luas' (*Idza daqa al-amru ittasa'a*). Al-Suyuti (1983) menjelaskan bahawa kaedah ini ialah lawan kepada kaedah 'jika sesuatu perkara itu sempit, hukumnya menjadi luas' (*Idza daqa al-amru ittasa'a*). Dalam hal ini, Al-Ghazali (2005) di dalam kitabnya *al-Ihya'* menjelaskan mengenai kedua-dua kaedah ini bahawa setiap sesuatu yang melewati batas maknanya, maka perkara itu menjadi makna yang sebaliknya.

Kaedah jika sesuatu perkara itu luas, hukumnya menjadi sempit bermaksud, apabila berlaku darurat dan kesukaran yang menuntut kepada keluasan hukum, maka hukumnya menjadi luas sehingga terhindar daripada darurat dan kesukaran itu. Namun demikian, sekiranya darurat itu telah hilang, maka hukum suatu perkara itu kembali kepada hukum asal sebelum adanya darurat tersebut (Muhammad Hanif, 2021).

Sebagai contoh, dalam perbahasan fiqh, pergerakan yang sedikit di dalam solat dimaafkan dalam syarak jika ada keperluan padanya dan hukum solatnya masih sah seperti solat dalam keadaan peperangan. Walau bagaimanapun, pergerakan yang banyak tidak dibenarkan jika tiada keperluan yang mendesak. Hal ini dapat dilihat dalam firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' yang merupakan dalil kaedah ini:

وَإِذَا كُنْتَ فِيهِمْ فَأَقَمْتَ لَهُمُ الصَّلَاةَ فَلَتَقُمْ طَائِفَةٌ مِنْهُمْ مَعَكَ وَلْيَأْخُذُوا أَسْلِحَتَهُمْ فَإِذَا سَجَدُوا فَلْيَكُونُوا مِنْ وَرَائِكُمْ وَلْتَأْتِ طَائِفَةٌ أُخْرَى لَمْ يُصَلُّوا فَلْيُصَلُّوا مَعَكَ

Maksudnya:

Dan apabila engkau (wahai Muhammad) berada dalam kalangan mereka (semasa perang), lalu engkau mendirikan sembahyang dengan (menjadi imam) mereka, maka hendaklah sepuak dari mereka berdiri (mengerjakan sembahyang) bersama-samamu, dan hendaklah mereka menyangand senjata masing-masing; kemudian apabila mereka telah sujud, maka hendaklah mereka berundur ke belakang (untuk menjaga serbuan musuh); dan hendaklah datang pula puak yang lain (yang kedua) yang belum sembahyang (kerana menjaga serbuan musuh), maka hendaklah mereka bersembahyang berjemaah bersama-samamu.

Surah Al-Nisa' (4):102

Kemudian disusuli ayat yang seterusnya Allah berfirman:

فَإِذَا أَطْمَأْنَنْتُمْ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ

Maksudnya:

Kemudian apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman), maka dirikanlah sembahyang itu (dengan sempurna sebagaimana biasa).

Surah Al-Nisa' (4):103

Oleh itu, jelaslah bahawa apabila suatu perkara menjadi sempit, maka hukumnya menjadi luas dan mudah. Adapun sekiranya suatu perkara itu luas, maka hukumnya menjadi sempit. Hal ini dapat dilihat apabila Allah memerintahkan untuk solat dengan sempurna ketika keadaan kembali aman.

Antara contoh aplikasi kaedah ini dalam konteks fiqh banjir di Malaysia ialah:

- a. Situasi bencana banjir yang melanda bukanlah peluang untuk membenarkan perkara yang ditegah, meskipun syarak membenarkan perkara yang dilarang ketika berlaku kesulitan. Sebagai contoh, apabila berdepan kesulitan tiada bekalan makanan kerana rumah dihanyut air, seorang muslim tidak boleh mengambil makanan yang haram selagi masih mampu mendapatkan makanan yang halal. Keharusan mengambil makanan yang haram ini hanya dibolehkan jika tidak menemui makanan yang halal sahaja dan bukanlah kelonggaran yang bebas diamalkan dengan alasan wujudnya kesukaran dan kesulitan kerana banjir.

Perkara ini bertepatan dengan kaedah fiqh jika sesuatu perkara itu luas, hukumnya menjadi sempit (*iza ittasa' al-amru daqa*). Maksud sesuatu perkara itu luas di sini ialah apabila berlaku keadaan yang sukar akibat banjir, maka syarak memberi *rukhsah* dengan membolehkan memakan benda yang haram jika benar-benar tidak menemui makanan yang halal setelah berusaha mencarinya. Adapun maksud hukumnya menjadi sempit ialah larangan syarak

memakan benda yang haram ketika ada makanan yang halal atas alasan terdapat kesulitan dan kesukaran akibat banjir. Begitu juga, ketika banjir telah surut dan keadaan kembali normal, maka hukumnya kembali kepada hukum asal kerana kesulitan dan kesukaran itu telah tiada.

3.3.7 الضرورات تقدر بقدرها (Kemudaratan hanya diambil cukup sekadar yang perlu sahaja)

Al-Dharurat ialah sesuatu yang jika diabaikan akan mengakibatkan kemudaratan (al-Zarqa, 1968). Al-Qaradawi (2002) pula menghuraikan *al-Dharurat* sebagai suatu keperluan atau hajat yang mendesak dan apa sahaja perkara yang mesti diperlukan. Manakala Wahbah al-Zuhaili (2005) mendatangkan takrif yang lebih terperinci, iaitu *al-Dharurat* merupakan kemudaratan atau kesulitan (*masyaqqah*) yang sangat berat kepada manusia hingga membuatkan dia bimbang akan terjadinya mudarat atau sesuatu yang menyakitkan jiwa, anggota tubuh, kehormatan, akal, harta, dan yang seumpama dengannya.

Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan di sini bahawa *al-dharurat* merupakan suatu keadaan yang memaksa seseorang untuk melakukan sesuatu tanpa pilihan lain kerana terdesak sama ada untuk memelihara nyawa, akal, kehormatan, harta dan seumpamanya. Semasa situasi darurat ini, seseorang itu dibolehkan secara syarak melakukan perkara yang pada asalnya ditegah. Kegagalan memenuhi keperluan darurat ini akan menggagalkan objektif asas syariah yang dikenali sebagai *al-dhururiyat al-khams* iaitu memelihara agama, nyawa, keturunan, akal, dan harta (Al-Syatibi, 1997).

Walau bagaimanapun, konsep darurat yang dibiarkan terbuka luas boleh mendatangkan keburukan dan mengancam prinsip syariah. Sehubungan dengan itu, terbinalah kaedah lain sebagai *furu'* kaedah yang menjadi panduan ketika berhadapan dengan situasi darurat ini yang dikenali sebagai kemudaratan hanya diambil cukup sekadar yang perlu sahaja (*al-dharurat tuqaddaru biqadaraha*). Makna kaedah ini ialah suatu perkara yang diharuskan kerana darurat tidak boleh diambil melebihi daripada kadar darurat. Keharusan melakukannya hanya dengan kadar yang secukupnya bagi menghilangkan darurat sahaja (Muhammad Hanif, 2021).

Sebagai contoh, keharusan memakan makanan tidak halal ketika keadaan darurat yang mengancam nyawa tidak boleh diambil secara berlebihan. Hal ini dapat dilihat dalam firman Allah SWT yang juga menjadi sandaran dalil bagi kaedah ini:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنْ اضْطُرَّ
غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maknanya:

Sesungguhnya Allah mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi, dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah. Tetapi barangsiapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedang dia tidak menginginkannya dan tidak

(pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Surah al-Baqarah (2):173

Menerusi ayat ini Allah SWT memberikan rukhsah dengan membolehkan seseorang yang tidak memperoleh sebarang makanan halal memakan bangkai, darah, daging yang diharamkan atau daging binatang yang tidak disembelih dengan nama Allah. Namun demikian, Wahbah al-Zuhaili (1991) menegaskan bahawa keharusan memakannya di dalam ayat tersebut kerana tiada makanan lain selain yang diharamkan, bimbang kemudaratan menimpa dirinya, memakan dengan tidak melebihi jumlah keperluan. Membiarkan diri kepada kematian dalam keadaan kelaparan jauh lebih mudarat daripada memakan benda yang diharamkan.

Oleh itu, secara asasnya perkara yang haram tidak boleh dilakukan secara bebas, sebaliknya keperluan melakukannya terbatas dengan kadar untuk menghilangkan keadaan darurat itu sahaja.

Antara contoh aplikasi kaedah ini dalam konteks fiqh banjir di Malaysia ialah:

- a. Situasi banjir yang melanda membolehkan mangsa banjir menunaikan solat dalam keadaan yang kurang sempurna seperti solat dalam keadaan duduk di dalam kereta kerana tersepit di jalanan akibat jalan yang ditutup. Dalam hal ini, mangsa banjir perlu menunaikan solat mengikut kemampuannya walaupun mendirikannya dalam keadaan yang kurang sempurna sebagai menghormati waktu solat. Walau bagaimanapun, setelah mangsa banjir itu dipindahkan ke pusat pemindahan banjir, maka dia wajib menunaikan solat dengan sempurna seperti hukum asalnya. Keharusan menunaikannya dalam keadaan yang kurang sempurna itu terbatas pada keadaan yang mendesak sahaja. Setelah dipindahkan ke tempat yang aman dan selamat, maka hilanglah perkara yang mendesak itu dan hukumnya kembali kepada hukum asal iaitu solat dengan sempurna. Hal ini bertepatan dengan kaedah fiqh kemudaratan hanya diambil cukup sekadar yang perlu sahaja (*al-dharurat tuqaddaru biqadariha*).

3.3.8 الحاجة تنزل منزلة الضرورة، عامة كانت أو خاصة (Suatu hajat jatuh hukum darurat, sama ada hajat yang umum atau khusus)

Menurut al-Baqilani (1957), hajat (*al-hajah*) secara asasnya sama dengan *al-dharurat*. Hajat ialah suatu keadaan yang mendorong seseorang untuk melakukan suatu hal tertentu bagi mencapai tujuannya (Al-Zarqa', 1989). Dalam hal ini, secara umumnya perkara yang bersifat darurat jika tidak dipenuhi boleh mengancam nyawa atau anggota tubuh badan seseorang. Adapun hajat, jika tidak dipenuhi, maka hal ini akan menyebabkan kesengsaraan dan kepayahan (Izzat Obaid Da'as, 1989).

Dalam perbincangan kaedah ini, *al-hajah* terbahagi kepada dua iaitu *al-hajah al-a'mah* (hajat umum) dan *al-hajah al-khassah* (hajat khusus) (Al-Dawsari, 2007). Maksud *al-hajah al-a'mah* ialah hajat yang meliputi keseluruhan umat. *Al-hajah al-khassah* pula ialah hajat yang meliputi kelompok tertentu seperti keperluan khas sebuah negeri,

daerah, kampung atau keperluan khusus untuk golongan tertentu seperti para peniaga dan bukannya keperluan yang bersifat individu (Al-Dawsari, 2007).

Kaedah ini menjelaskan bahawa pengecualian untuk melakukan suatu yang terlarang tidak hanya terbatas pada suatu yang bersifat darurat semata-mata. Akan tetapi, keharusannya juga berlaku pada suatu yang menjadi keperluan yang mendesak sama ada keperluan tersebut bersifat khusus yang meliputi sekelompok masyarakat, ataupun keperluan umum yang meliputi seluruh masyarakat (Izzat Obaid Da'as, 1989).

Antara contoh aplikasi kaedah ini dalam konteks fiqh banjir di Malaysia ialah:

- a. Ikhtilat yang berlaku di dalam bot semasa pemindahan mangsa banjir tidak jatuh haram kerana terdapat keperluan yang mendesak meskipun dalam syarak hukum asalnya ialah haram. Namun demikian, keperluan yang mendesak untuk memindahkan para mangsa banjir itu mengharuskan perkara yang ditegah. Hal ini demikian kerana, jika mereka tidak dipindahkan, maka hal itu menyebabkan kepayahan dan kesulitan yang besar (*'usrun kabir*) kepada mereka. Oleh itu, keperluan mendesak ini akan jatuh hukum darurat kerana para mangsa banjir tersebut sangat memerlukan kepada sesuatu yang boleh menghilangkan kesulitan tersebut iaitu dengan segera berpindah ke tempat yang selamat. Situasi ini bersesuaian dengan kaedah fiqh suatu hajat (keperluan) jatuh hukum darurat, sama ada hajat yang umum atau khusus (*al-hajah tanzilu manzilah al-darurah 'ammatan kanat aw khassah*). *Al-hajah* di sini ialah keperluan mendesak mangsa banjir untuk berpindah iaitu *al-hajah al-khassah* kerana keperluan berpindah ini khas untuk sekelompok penduduk yang ditimpa musibah itu sahaja. Seterusnya, keperluan ini menempati posisi darurat kerana jika mereka tidak dipindahkan ke tempat yang aman, maka hal itu menyebabkan kesulitan yang besar (*'usrun kabir*) kepada para mangsa banjir itu.

3.3.9 ما جاز لعذر بطل بزواله (Apa yang diharuskan kerana uzur, batal dengan sebab hilang uzur tersebut)

Kaedah ini membawa maksud sesuatu yang dihalalkan dan diharuskan ketika ada keuzuran itu akan kembali kepada hukum asal apabila hilang keuzuran tersebut (Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali, 2000). Oleh kerana itu, dalam sesetengah keadaan, sesuatu hukum dalam perbahasan fiqh Islam boleh berubah daripada haram kepada harus, boleh juga berubah daripada harus kepada haram atau perubahan lain sekitar lima hukum *taklifi* (wajib, sunat, harus, makruh dan haram). Hal ini kerana, para ilmuwan fiqh akan mengambil kira setiap maklumat dan kesan dalam sesuatu isu, sebelum mereka mengeluarkan sesuatu hukum.

Antara contoh aplikasi kaedah ini dalam konteks fiqh banjir di Malaysia ialah:

- a. Hukum asal wanita mendedahkan aurat kepada lelaki ajnabi adalah haram. Namun begitu, dalam keadaan darurat banjir, mangsa banjir harus membuka aurat sekiranya tidak mempunyai pakaian untuk dijadikan sebagai pelindung untuk melindungi auratnya dengan sempurna. Sebagai contohnya, mangsa banjir yang tidak sempat mencapai pakaian yang boleh menutup aurat dengan

sempurna akibat ditenggelami banjir harus memakai pakaian yang termampu untuk dia menutupi auratnya. Namun begitu, sekiranya dia telah sampai di pusat pemindahan banjir dan bantuan bekalan pakaian telah diberikan maka wajib dia menutup aurat dengan sempurna walaupun pakaian tersebut tidak menjadi pilihan di hatinya. Mangsa banjir juga hendaklah ditempatkan di tempat yang boleh dipastikan aurat terpelihara dengan menggunakan khemah atau pemisah yang sesuai. Hal ini kerana keharusan membuka aurat tersebut terbatal kerana keuzuran tersebut telah hilang.

3.3.10 ما لا يمكن الاحتراز عنه فهو معفو عنه (Apa yang tidak mungkin (menghindarkannya), maka hal itu dimaafkan.

Menjaga kebersihan dan kesucian merupakan tuntutan Islam. Bahkan Islam tidak hanya menekankan kebersihan dan kesucian luaran, tetapi juga kebersihan dan kesucian dalaman. Namun, Islam amat menyedari kepelbagaian situasi yang dihadapi oleh umatnya. Memaksa sesuatu yang di luar kemampuan umatnya bukanlah ciri-ciri keunggulan Islam. Lantaran itu, syarak memaafkan perbuatan seseorang yang telah melakukan sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan.

Antara contoh aplikasi kaedah ini dalam konteks fiqh banjir di Malaysia ialah:

- a. Situasi yang pasti tidak dapat dielakkan ketika banjir mengharungi air yang telah bercampur dengan pelbagai material dan ada kemungkinan bercampur dengan najis dan kotoran. Sedangkan ketika itu pakaian yang dipakai oleh mangsa banjir tidak mampu disalin apatah lagi untuk dibasuh sekerap mungkin sebagaimana situasi biasa. Oleh itu, syarak memaafkan pakaian tersebut digunakan untuk solat atas alasan kesukaran untuk menghindarinya. Demikian juga terjadi pendedahan aurat yang tidak mungkin dapat dielakkan dalam situasi cemas demi menyelamatkan nyawa, maka keadaan tersebut dimaafkan.

4.0 Kesimpulan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat sembilan kaedah fiqh *sughra* (pecahan) di bawah kaedah kubra *al-masyaqqah tajlibu al-taysir* yang ditemui oleh pengkaji di sebalik hukum-hukum fiqh banjir. Pengkaji juga tidak menolak kemungkinan bahawa terdapat kaedah fiqh dan hukum *furu'* berkaitan fiqh banjir yang belum diterokai sepenuhnya oleh pengkaji. Hukum *furu'* berkaitan fiqh banjir yang dibawakan di dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada senario yang berlaku dalam bencana banjir di Malaysia.

Kajian ini dapat meluaskan lagi skop perbincangan kaedah fiqh dengan melihat aplikasinya dalam konteks fiqh banjir di Malaysia. Ia memberi nilai tambah terhadap perbincangan ilmu kaedah fiqh itu sendiri dengan mempraktikkan hukum kulli yang telah dirumuskan oleh para fuqaha silam terhadap permasalahan semasa yang berlaku pada hari ini. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi pencerahan kepada masyarakat awam khususnya mangsa banjir dan sukarelawan untuk mendalami permasalahan hukum berkaitan isu banjir. Hal ini secara tidak langsung dapat mengurangkan risiko yang berlaku kepada mangsa banjir pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Ab. Latif, M. & Rosmawati, A., (2000). Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh. Ilham Abati Enterprise.
- Al-'Asqalani, I. H., (2013). Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari. Dar al-Risalah al-'Alamiah.
- Al-Baqilani. (1957). Al-Tamhīd. Beirut-Lebanon: al-Maktabah al-Syarqiyah.
- Al-Bukhari, M. I., (2002). Sahih al-Bukhari. Damsyik-Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Dawsari. (2007). Al-Mumti' Fi Al-Qawaid- Al-Fiqhiyyah. Saudi: Dar Zidni.
- Al-Ghazali, A. H, M., (2005). Ihya Ulumuddin. Beirut: Dar al-Ma'rifah
- Al-Nadwi, 'A. A., (1994). Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Al-Qaradawi, Y., (2002). Fiqh Keutamaan: Satu Kajian Baru dari Perspektif al-Quran dan al-Sunnah, terj. Ahmad Nuryadi Asmawi. Selangor: Thinker's Library.
- Al-Suyuti. A. I. A. B., (1983). Al-Ashbah wa al-Nazoir. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah. Jilid 1
- Al-Syatibi. (1997). Al-Muwafaqat. Dar Ibn Affan.
- Al-Zarqa', M. A., (1968). Al-Madkhal Fi Al-Fiqh Al- 'Aam. Dar al-Fikr.
- Al-Zarqa', M. A., (1989). Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah. Damaskus: Dar al-Qalam
- Al-Zuhaili, W., (2005). Nazariyyah al-Darurah al-Syar'iyyah. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Al-Zuhaily, W., (1991). Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj, Jil. I, Cet. I., Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Bairagi, V., & Munot, M. V. (Eds.). (2019). Research Methodology: A practical and scientific approach. CRC Press, Taylor and Francis Group.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2000). Research Methods in Education. RoutledgeFalmer.
- Ibn 'Asyur. (2007). Maqasid al-Syar'iyyah al-Islamiyyah. Kaherah: Dar al-Salam, Cet. Kedua.
- IFFAH. (2021). Garis Panduan Ibadat Ketika Banjir. Negeri Sembilan. Universiti Islam Sains Malaysia.

- Izzat O. D., (1989). Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah Ma'a Syarhi Al-Mujaz. Damsyik: Dar Tarmizi.
- Muhammad Hanif. (2021). Kompas Hidup Bersyariat 300 Aplikasi Kaedah Fiqh Dalam Kehidupan. Selangor: Publishing House.
- Rozmi, I., (2016). Metodologi Penyelidikan: Teori dan Praktis. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zul-kifli, H. (2013). Tasamuh Dalam Undang-undang Jenayah Islam: Kajian Persepsi Pelajar-Pelajar Non-Muslim di IPTA. Tesis P.hD. Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.